

26/05/2002

`Saya akan cuba berikan yang terbaik'

Jamhariah Jaafar

TAHNIAH Tan Sri di atas pelantikan sebagai Pengerusi Biro Penerangan Umno. Apa perasaan Tan Sri diminta kembali menyertai arus perdana politik Umno selepas menyepikan diri hampir tiga tahun?

Saya enjoy persaraan saya. Kita kena menerima hakikat satu hari nanti kita kena pergi. Jadi saya menerima hakikat itu dengan hati terbuka dan saya sesuaikan corak kehidupan saya. Dulu tak pernah dapat makan kat warung dengan hanya berselipar, sekarang pagi-pagi pergi makan nasi lemak. Apa yang membahagiakan ialah orang ramai masih mengenali saya. Itu adalah ganjaran yang saya hargai dan saya juga masih menerima panggilan daripada semua pihak.

Tapi saya tidak menghilangkan diri begitu saja. Saya masih rapat dengan Perdana Menteri. Bukan kerana beliau Perdana Menteri, tetapi kerana kami sudah bersama terlalu lama. Jadi bila beliau meminta saya membantu, saya turun membantu. Contohnya seperti dalam hubungan Amerika Syarikat - Malaysia. Setahun lalu kita tidak pernah impikan satu hari kita akan diberi penghormatan untuk tinggal di Blair House dan duduk berbincang di White House. Mengenai apa dibincangkan itu bukan masalah kita, yang penting ialah pertemuan mereka diiktiraf.

Mengenai pelantikan ini saya terkejut kerana saya benar-benar sudah menceraikan diri daripada arus perdana politik negara. Walaupun saya sudah terbabit selama 30 kerana falsafah saya ialah saya sudah melakukan bahagian saya jadi kini giliran orang lain pula.

Jadi apa strategi dan pendekatan Tan Sri dalam melaksanakan tugas ini?

Saya kena tunggu dan lihat. Apa yang paling penting ialah ahli-ahli Umno hari ini perlu mempunyai budaya cermin diri sendiri. Ini adalah kerana saya melihat pada keputusan pilihan raya 1999, ahli Umno sendiri tidak mengundi calon Umno. Ini adalah satu budaya yang saya fikir tidak baik bagi Umno. Jadi bagaimana untuk mencipta perasaan komitmen kepada Umno, jika berdasarkan kepada sejarah Umno yang telah 45 tahun sebagai tunjang negara ini. Jadi mengapa ahli Umno sendiri lari dari Umno... apa lagi orang atas pagar. Ini adalah perkara yang perlu kita teliti. Saya hendak cuba mewujudkan suasana di mana semua ahli Umno perlu cerminkan diri sendiri.

Saya bagi contoh, ketika Perang Dingin, AS adalah satu daripada kuasa besar. Jadi rakyat dunia ada pilihan dan kebanyakan negara sedang membangun dan membangun menyokong AS. Semua mengenai AS adalah baik, tapi bila Perang Dingin berakhir dan AS menjadi satu-satunya kuasa besar, mengapa berlaku hakisan dalam pengaruh mereka terutama di kalangan negara membangun dan sedang membangun yang satu ketika begitu mengagungkan AS. Malah sekarang ada yang benci dengan AS. Jadi AS hari ini melakukan satu proses untuk mencerminkan diri sendiri - adakah disebabkan mereka sombong dan bongkak yang menyebabkan mereka tidak popular sebab terlalu taksu dengan kuasa yang mereka ada. AS ini sebenarnya bila bertemu dengan Perdana Menteri kita mungkin beri input yang sedemikian kerana antara lain Dr Mahathir berkata dulu kita kagum dengan AS kerana pelan damainya tapi sekarang ia tidak lagi berfungsi sebagai pengaman kerana perhubungannya dengan negara dunia lain sudah berubah.

Jadi begitu jugalah Umno. Mungkin kita sudah lebih 45 tahun memerintah menjadi parti besar, tiga juta ahli, kita lupa diri, kita sedikit sebanyak angkuh, sombong menyebabkan orang menggunakan perkataan `getik'. Jadi saya hendak melihat ahli Umno supaya mencerminkan diri sendiri. komited dan sayang

pada parti kerana partilah yang telah membawa kita kepada kejayaan hari ini.

Itu adalah langkah pertama saya. Bila kita dah elok, kembali disukai ahli sendiri, maka akhirnya penyokong atas pagar tanpa payah diminta akan kembali menyokong kita. Ini adalah perkara yang saya rasa kita perlu lakukan dengan cara yang baik. bukan dengan cara maki hamun atau kasar.

Ini adalah hasrat saya dan juga saya juga hendak membantu Dr Mahathir. Beliau tidak boleh 'fight nature'. Beliau sudah berusia 76 tahun, saya hendak melihat dia bersara dengan penuh hormat. Kita pernah melihat pemimpin lain, Suharto, Joseph Estrada dan Ferdinand Marcos. Kita tidak mahu Dr Mahathir berundur dengan cara yang sama. Beliau sudah melakukan terlalu banyak jasa untuk negara ini. Jadi biarlah beliau bersara dengan penuh penghormatan. Itu adalah misi saya kerana sejak 20 tahun lalu, beliau sudah melakukan terlalu banyak jasa dan sumbangan baik dalam bidang politik, ekonomi, sosial sehingga menjadikan Malaysia sama setara dengan negara membangun lain di dunia. Jadi itu adalah misi saya. Saya tidak mempunyai agenda atau minat peribadi. Saya tidak berhasrat untuk kembali sebagai calon pilihan raya.

Bila Tan Sri menulis 'Getik', persepsi orang adalah anda berasa amat marah, kecewa, sakit hati dan pelbagai perasaan lain apabila kalah dalam pilihan raya umum dan hilang kedudukan penting dalam kerajaan, sehingga sanggup mengkritik Umno hingga ke akar umbi. Apa komen Tan Sri?

Saya berbuat demikian kerana saya berasa itu adalah sebab mengapa kita kalah pada pilihan raya umum lalu. Kita bergaduh sesama sendiri, bukan kerana pembangkang kuat.

Kerana itu orang begitu skeptikal apabila anda dilantik sebagai Pengerusi Biro Penerangan. Mereka bertanya mengapa orang yang pernah mengkritik Umno begitu sekali patut diberi peluang kedua?

Kita perlu kaji keadaan mengapa seseorang itu tumbang. Contohnya, jika saya bertanding di kawasan saya sendiri iaitu di Pasir Salak, keadaan mungkin tidak seperti sekarang. Saya mungkin tidak mengalami nasib ini. Jadi ini adalah situasinya. Bila saya diletakkan di satu kawasan baru, saya memberitahu PM sendiri keadaan adalah sukar. Kemudian saya menguji pula kekuatan saya pula di pemilihan MKT (Majlis Kerja Tertinggi). Walaupun saya tidak mempunyai apa-apa lagi tapi saya mendapat tempat ke-28... tidaklah begitu teruk.

Jadi ia bergantung kepada orang yang berfikir, siapa yang patut memikul tanggungjawab. Bagi diri ini, saya akan cuba menjalankan amanah yang diberi dengan sebaik mungkin. Mungkin saya bukan orang yang terbaik tapi saya akan memberikan yang terbaik terutama dengan bantuan rakan-rakan dari semua kalangan untuk membantu memulihkan semangat ahli-ahli Umno.

Dalam Getik, Tan Sri banyak menyentuh mengenai politik wang dan sikap ahli-ahli Umno yang korup dan mementingkan diri sendiri. Tapi perkara seperti politik wang kelihatan sudah menjadi sebahagian dari budaya Umno. PM sendiri sudah bertahun-tahun berusaha membanteras kemelut ini tapi ia masih berlaku. Jadi apa yang boleh Tan Sri lakukan?

Beginilah, ia bukan satu perkara yang mudah. Anda boleh wujudkan beribu ketua cawangan, beribu ketua bahagian, beribu wakil rakyat, beratus menteri besar, beratus menteri kabinet atau berpuluh perdana menteri. Tapi untuk mewujudkan seorang pemimpin adalah sesuatu yang sukar.

Seorang pemimpin adalah seorang yang mempunyai disiplin, ada maruah, ada 'hands on' atas tugas mereka, ada komitmen, ada visi. Jadi bukan semua yang ada sekarang adalah pemimpin. Setiap pemimpin mesti ada semua ciri-ciri itu. Pemimpin sebenar adalah tokoh seperti Dr Mahathir. Beliau ada visi, komitmen, disiplin dan mengikut jadual. Kita anggap beliau adalah pemimpin paling istimewa pernah dilahirkan di negara ini.

Kalau semuanya macam dia... itu adalah yang paling ideal. Jadi apa yang

kita boleh buat ialah berdoa supaya apa yang dilakukan Dr Mahathir akan diikuti oleh setengah daripada pemimpin kita. Dengan itu tidak wujudlah politik wang, tidak wujudlah beli membeli, tidak wujudlah hasad dengki. Tapi itu tidak mudah.

Bagaimanapun Tan Sri kini mempunyai peluang kedua. Jawatan ini akan dilihat sebagai ujian untuk Tan Sri bagi memulihkan perkara dan keadaan yang tidak baik di dalam Umno, sebagaimana yang Tan Sri luahkan di dalam Getik dan Gayat?

Saya akan cuba yang terbaik. Kadang-kadang kita mempunyai visi tetapi tidak semuanya dapat dicapai. Ada beberapa pemimpin yang kita bisikkan sesuatu kepadanya, dengan harapan bulan depan dia masih ingat. Tapi ada juga beberapa yang dipanggil pemimpin hari ini kita beri dia fail, tapi apabila kita tanya bulan depan dia sendiri tidak tahu di mana fail itu diletakkan. Ini yang kita panggil 'hands on to the job'. Jadi inilah saya hendak nilai dan perhatikan.

Contohnya, begitu ramai bintang filem dilahirkan dalam industri filem Melayu tetapi tidak ada siapa yang boleh menandingi Allahyarham Tan Sri P Ramlee.

Jadi begitu juga dengan pemimpin politik. Tidak mudah untuk membuat perubahan. Bukanlah saya katakan saya masuk dalam kategori itu, tetapi apa yang boleh saya kata ialah saya akan cuba berikan yang terbaik. Sama ada saya akan berjaya atau tidak, itu bergantung kepada keadaan dan penerimaan ahli Umno. Saya cuma menjadi lidah penyambung antara pucuk pimpinan parti dan ahli-ahli.

Adakah Tan Sri merancang pendekatan atau strategi tertentu dalam melaksanakan tugas ini?

Tidak ada. Saya akan cuba seberapa daya untuk memenuhi tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Penerangan pusat. Saya mungkin akan pecahkan kepada beberapa kumpulan pemikir, di mana saya akan bertemu mereka mungkin setiap minggu. Dari situ kita akan bergerak kerana mungkin pendapat saya tidak sedalam ahli-ahli yang pakar dalam pelbagai bidang lain.

Saya juga mungkin mengekalkan struktur organisasi yang dibentuk Datuk Mustapha Mohamad, cuma mungkin saya akan tambah beberapa orang lain saja untuk membantu memberi kekuatan kepada biro ini.

Datuk Mustapha telah memberi yang terbaik ketika menjadi pengerusi biro ini dan menggariskan pelbagai strategi di samping pelbagai penerbitan yang mampu menghadapi serangan pembangkang, Adakah Tan Sri akan meneruskan tugas ini seperti menerbitkan kembali lidah rasmi parti?

Saya perlu berbincang perkara ini di peringkat tertinggi, sama ada untuk menerbitkan penerbitan khas atau menggunakan apa yang kita ada selama ini. Saya tidak boleh beritahu semua strategi saya.

(END)